

PELAJAR dapat mengulang kaji pelajaran dengan selesa di gazebo yang disediakan.



“Saya dan kawan-kawan selalu meluangkan masa bersama untuk berbincang mata pelajaran yang baru dipelajari sambil berehat menunggu kelas yang seterusnya**”**

Nur Juliana Yusof
Pelajar Tahun Satu, Program Pentadbiran Muamalat, USIM

Oleh Shah Che Ahmad
bhvarsiti@bharian.com.my

LOKASI yang selasa dan tenang di samping kurang gangguan persekitaran dilihat menjadi penyumbang luaran utama dalam membantu membuah idea serta mencetuskan ilham terutama bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Persekitaran yang menyegarkan sudah tentu menjadi lokasi utama pilihan pelajar meluangkan masa berkumpul dan melakukan aktiviti yang berfaedah bersama rakan ketika di luar dewan kuliah.

Bagi mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), gazebo ataupun pangkin yang menghiasi persekitaran IPT berkenaan menjadi pilihan sebagai lokasi kedua selepas kelas untuk berbincang dan mengulang kaji pelajaran.

Pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Mohamad Taufiq Ramli, berkata suasana di gazebo yang terbuka selain perkhidmatan yang memuaskan amat

Gazebo USIM pilihan pelajar

membantu dalam menjalankan pelbagai aktiviti dan perbincangan.

"Berbeza dalam kelas, menikmati udara semula

jadi yang tenang sambil mengulang kaji pelajaran di gazebo lebih mempercepat perkembangan idea.

"Selain dapat berbincang

secara santai, bertukar-tukar fikiran secara terbuka tanpa gangguan semestinya memudahkan pelajar memahami mata pelajaran yang dibincangkan," katanya.

Lokasi gazebo yang strategik berdekatan dengan dewan kuliah, surau dan kafe menambah tarikan pelajar untuk singgah beristirahat atau berkumpul.

Bagi Nur Juliana Yusof, beliau gemar menghabiskan masa mencari maklumat dan menyiapkan tugas kelas yang diberikan pensyarah sementara menunggu waktu kelas yang seterusnya.

"Saya dan kawan-kawan

selalu meluangkan masa bersama untuk berbincang mata pelajaran yang baru dipelajari sambil berehat menunggu kelas yang seterusnya.

"Kebiasaannya jarak masa antara satu kelas dengan kelas yang lain ialah antara satu hingga tiga jam," kata pelajar tahun satu Program Pentadbiran Muamalat itu.

Juliana berkata, kebanyakan pelajar memilih untuk bersantai di gazebo kerana keadaan yang sangat selesa bagi menyempurnakan tugas sambil menjamah makanan ringan selain mempunyai perkhidmatan *wifi* yang baik di sekitar kawasan terbabit.

Seorang lagi pelajar USIM, Nur Dalila Mustapha, berkata suasana gazebo yang tenang memudahkannya untuk menghafal pelajaran dan al-Quran.

"Program pengajian yang saya duduki memerlukan proses hafalan yang kerap, mengelakkan kesesakan di surau atau kafe, saya lebih gemar menghafal di sini," katanya.



“Program pengajian yang saya duduki memerlukan proses hafalan yang kerap, mengelakkan kesesakan di surau atau kafe, saya lebih gemar menghafal di sini**”**

Nur Dalila Mustapha,
Pelajar USIM

“Selain berbincang secara santai, bertukar-tukar fikiran secara terbuka tanpa gangguan semestinya memudahkan pelajar memahami mata pelajaran yang dibincangkan**”**

Mohamad Taufiq Ramli,
Pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM

